

Headline	Banjir TNB peruntuk RM10j baiki pencawang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	10
ArticleSize	293 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,532		



MAHDZIR Khalid (tengah) menyerahkan sumbangan bantuan banjir kepada seorang penduduk, Sapiah Salleh, 76, (dua dari kiri) ketika melawat di Kampung Temai Hulu, Pekan, semalam.

Banjir: TNB peruntuk RM10j baiki pencawang

KUANTAN 18 Dis. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi membaiki pencawang yang rosak akibat banjir di Pahang, Terengganu dan Johor.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, daripada jumlah itu, RM7.7 juta adalah bagi membaiki 1,299 buah pencawang yang terjejas akibat bencana tersebut di negeri ini.

Selain itu ujaranya, TNB turut memberi sumbangan berjumlah RM250,000 kepada Tabung Bencana Banjir Pahang bagi membantu mangsa-mangsa banjir di negeri ini terutama Kuantan dan Pekan.

"Sumbangan ini merupakan

tambahan kepada RM3.25 juta yang telah dibelanjakan TNB bagi penggunaan 40 set jana kuasa untuk menyalurkan elektrik sementara kepada kawasan yang dilanda banjir baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan tersebut kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob di Kompleks Yayasan Pahang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Kanan, Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin dan Pengurus Besar TNB negeri, Datuk Sharuddin Mohd. Simin.

Menurut Mahdzir, sebagai sebuah syarikat yang prihatin dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR), TNB turut menghulurkan

bantuan keperluan harian seperti beras, minyak masak dan gula berjumlah RM20,000 kepada mangsa banjir di pusat pemindahan di negeri ini.

"Selain RM3.25 juta yang dibelanjakan di Pahang, TNB juga memberikan sumbangan sebanyak RM20,000 masing-masing di Terengganu dan Johor.

"Jumlah tersebut tidak termasuk kira-kira RM600,000 dibelanjakan TNB bagi set-set jana kuasa di kedua-dua negeri tersebut," jelasnya.

Sementara itu, Adnan turut mengucapkan terima kasih kepada TNB atas keprihatinannya menyalurkan sumbangan sebanyak RM250,000 kepada Tabung Bencana Banjir Pahang.